

Tinjauan Literatur Sistematis Strategi Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Merentas Budaya (Systematic Literature Review Request Act Strategies Across Multicultural Students)

NUR FAIZAL AZNAN ^{1*}, MOHAMMED AZLAN MIS ¹ & MASLIDA YUSOF ²

¹ Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Diserahkan: 27 November 2025 / Diterima: 19 Februari 2026

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau secara sistematik strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar merentas budaya melalui pendekatan Tinjauan Literatur Sistematis (SLR). Sebanyak 20 artikel terpilih dianalisis berdasarkan protokol PRISMA dengan memfokuskan kajian yang melibatkan pelajar sebagai responden serta konteks lakuan bahasa permintaan merentas budaya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi lakuan bahasa permintaan dapat dihipunkan kepada dua bentuk utama, iaitu strategi permintaan langsung dan tidak langsung. Secara umum, pelajar penutur jati didapati lebih cenderung menggunakan strategi tidak langsung, manakala pelajar bukan penutur jati lebih kerap menggunakan strategi langsung, khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa kedua. Dari sudut kesopanan, penggunaan strategi berlapik lebih dominan dalam interaksi yang melibatkan hubungan hierarki atau jarak sosial yang lebih tinggi, manakala dalam interaksi rakan sebaya, tahap kesopanan didapati kurang konsisten. Selain itu, latar budaya dan orientasi nilai sosial turut mempengaruhi pemilihan strategi permintaan, khususnya perbezaan antara budaya. Dari segi sumbangan, jurang kajian berkaitan strategi lakuan bahasa permintaan dalam konteks pelajar pelbagai kaum telah dikenalpasti, khususnya melibatkan penggunaan bahasa Melayu dalam lakuan bahasa permintaan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan penyelidikan pragmatik dan komunikasi berkesan dalam kalangan pelajar merentas budaya. Kajian mengenai strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar merentas budaya semakin berkembang di Malaysia dan luar negara. Antara isu yang dibahaskan melibatkan strategi yang digunakan oleh pelajar yang merupakan penutur jati dan bukan penutur jati dalam melaksanakan permintaan. Justeru, kajian ini memfokuskan kajian berkaitan strategi lakuan bahasa permintaan yang melibatkan pelbagai budaya di dalam mahupun luar negara.

Kata kunci: literatur sistematik; strategi; lakuan bahasa ; pelajar; budaya

ABSTRACT

This study aims to systematically review request speech act strategies among students across multicultural contexts through a Systematic Literature Review (SLR) approach. A total of 20 selected studies were analysed based on the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) protocol, with a specific focus on studies involving students as respondents and cross-cultural request speech act contexts. The findings indicate that request strategies can be broadly categorised into two main types, namely direct and indirect request strategies. Overall, native speakers tend to employ indirect request strategies more frequently, while non-native speakers rely more heavily on direct strategies, particularly in second language learning contexts. From a politeness perspective, indirect and mitigated strategies are more commonly used in interactions involving hierarchical relationships or greater social distance, whereas politeness strategies appear less consistent in peer-to-peer interactions.

* Penulis koresponden: p151781@siswa.ukm.edu.my

Furthermore, cultural background and social value orientations significantly influence the selection of request strategies, reflecting cross-cultural differences in pragmatic norms. In terms of contribution, this review identifies a clear research gap concerning request speech act strategies among students from different ethnic backgrounds within a single national context, particularly studies involving the use of the Malay language in request speech acts. The findings of this study are expected to contribute to the advancement of pragmatic research and promote more effective cross-cultural communication among students.

Keywords: literature review; strategy; speech act; student; cultural

PENGENALAN

Lakuan bahasa ataupun lakuan peruturan telah disampaikan dalam syarahan oleh ahli falsafah British yang bernama Austin (1955) dan syarahan beliau telah diterbitkan pada tahun 1962. Austin telah mengesahkan terdapat tiga bentuk lakuan pertuturan yang sempurna iaitu syaratnya ialah konteks perlulah bersesuaian, perlakuan itu dilaksanakan dengan sempurna dan penutur dan pendengar mempunyai tujuan dan maksud yang sesuai. Austin telah menjelaskan bahawa lakuan bahasa terbahagi kepada tiga aspek, iaitu lakuan lokusi, lakuan ilokusi dan lakuan perlokusi. Lakuan lokusi ialah ujaran ataupun kenyataan yang menjadi rujukan (frasa nama) dan sesuatu kenyataan jangkaan merujuk kepada frasa kerja atau frasa adjektif. Lakuan ilokusi melibatkan ujaran dengan fungsi dan niat tertentu misalnya, membuat permintaan, manakala lakuan perlokusi melibatkan kesan ujaran tersebut terhadap pendengar. Lakuan perlokusi merupakan ujaran yang membentuk kesan positif mahupun negatif kepada pendengar. Searle (1975) ada menjelaskan bahawa ilokusi juga dapat dilakukan secara langsung dalam pembentukan lakuan yang lain. Dalam model Searle terdapat beberapa domain pertuturan yang dijelaskan iaitu asertif, ekspresif, direktif, komisif dan deklaratif.

Dalam kajian pragmatik, lakuan bahasa permintaan sering diberikan perhatian khusus kerana sifatnya yang sensitif dan berpotensi mengancam air muka kedua-dua pihak yang terlibat dalam interaksi. Oktavia et al. (2023) berpendapat bahawa lakuan bahasa permintaan merupakan antara lakuan bahasa yang paling kompleks kerana melibatkan pertimbangan konteks, status sosial dan norma budaya. Menurut Ahmad et al. (2020), sesuatu permintaan yang disampaikan tanpa strategi kesantunan yang sesuai boleh ditafsirkan sebagai paksaan atau arahan, sekali gus menjejaskan hubungan interpersonal. Sehubungan itu, pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan yang tepat amat penting bagi memastikan komunikasi berlangsung secara berkesan dan harmoni. Pilihan strategi permintaan turut dipengaruhi oleh hubungan dan jarak sosial antara penutur dan pendengar. Yusof dan Baharudin (2022) menjelaskan bahawa hubungan yang bersifat akrab membolehkan penggunaan strategi permintaan secara langsung, manakala hubungan yang kurang akrab atau melibatkan perbezaan status sosial memerlukan penggunaan strategi permintaan tidak langsung yang lebih berlapik. Dalam konteks masyarakat pelbagai budaya, perbezaan norma pragmatik dan nilai budaya antara kaum boleh meningkatkan risiko salah faham sekiranya strategi permintaan tidak disesuaikan dengan konteks sosial yang betul.

Dalam persekitaran pendidikan yang melibatkan pelajar daripada pelbagai latar budaya, keupayaan menggunakan strategi lakuan bahasa permintaan yang sesuai amat penting. Kajian oleh Maros dan Halim (2018) menunjukkan bahawa pelajar sering gagal menggunakan bahasa yang sopan dalam menyampaikan permintaan, khususnya apabila berinteraksi dengan individu yang mempunyai status sosial lebih tinggi. Kegagalan ini boleh membawa kepada salah tafsir dan ketegangan dalam komunikasi. Menurut Yusof dan Baharudin (2022), lakuan bahasa permintaan merupakan lakuan bahasa universal yang digunakan oleh semua masyarakat, namun bentuk dan

strategi penggunaannya berbeza mengikut latar budaya. Dalam konteks Malaysia yang bersifat majmuk, setiap kaum mempunyai nilai, kepercayaan dan tatacara komunikasi yang tersendiri yang mempengaruhi cara permintaan disampaikan.

Kajian AlAfnan dan Cruz-Rudio (2023) turut menegaskan bahawa pelajar daripada latar budaya yang berbeza mempunyai kecenderungan strategi permintaan yang berbeza dan perlu berhati-hati dalam menyampaikan permintaan bagi mengelakkan konflik serta mengekalkan keharmonian hubungan. Perkara ini amat signifikan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, kerana komunikasi yang tidak berkesan berpotensi menjejaskan hubungan sosial dan kestabilan masyarakat secara keseluruhan. Walaupun terdapat pelbagai kajian yang meneliti lakuan bahasa permintaan dalam konteks pelbagai budaya, seperti kajian oleh Ahmad et al. (2020) dan Pang et al. (2024), sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan beberapa jurang penyelidikan yang ketara. Kebanyakan kajian terdahulu menumpukan analisis strategi lakuan bahasa permintaan secara umum tanpa memberikan perbandingan mendalam antara pelajar daripada latar budaya yang berbeza. Selain itu, banyak kajian memfokuskan penutur jati atau satu kelompok budaya tertentu, tanpa meneliti persamaan dan perbezaan strategi permintaan secara menyeluruh dalam kalangan pelajar pelbagai budaya.

Perbezaan hasil dapatan kajian terdahulu turut menimbulkan keperluan untuk satu tinjauan literatur sistematik. Sebagai contoh, Alakrash dan Bustan (2020) serta Akmal et al. (2022) berpendapat bahawa penutur bahasa kedua lebih santun dan berhati-hati dalam menyampaikan permintaan. Namun, dapatan berbeza dilaporkan oleh Pang et al. (2024) dan Azam et al. (2025) yang menunjukkan bahawa penutur bahasa kedua cenderung menggunakan strategi permintaan yang kurang santun dan tidak menitikberatkan aspek kesopanan. Perbezaan ini menunjukkan keperluan untuk menghimpunkan dan mensintesis dapatan kajian-kajian terdahulu secara sistematik bagi memperoleh gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan melalui pendekatan Tinjauan Literatur Sistematik (SLR) bagi meneliti dan mensintesis kajian-kajian terdahulu berkaitan strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar merentas budaya. Pendekatan ini membolehkan dapatan kajian terdahulu dianalisis secara berdisiplin dan teratur, selaras dengan pandangan Rahman dan Yusof (2023) yang menegaskan bahawa penetapan fokus dan skop kajian yang jelas merupakan asas penting dalam menentukan hala tuju kajian sorotan sistematik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai dua objektif utama:


1. Mengenal pasti strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar pelbagai budaya berdasarkan kajian-kajian terdahulu.
2. Menganalisis bentuk perbandingan responden merentas budaya yang dilaksanakan oleh pengkaji dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan lakuan bahasa permintaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan Tinjauan Literatur Sistematis (*Systematic Literature Review*, SLR) yang melibatkan beberapa langkah yang sistematik dalam proses mengenal pasti, menilai dan mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber literatur yang relevan. Pendekatan ini dipilih bagi memastikan proses tinjauan literatur dilaksanakan secara terancang, telus dan berstruktur, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Menurut Rusydiah dan Maslida (2023), tinjauan literatur sistematik yang dilaksanakan dengan betul mampu mengawal proses pemilihan kajian dan menghasilkan aspek pengetahuan yang lebih kompleks, relevan dan teratur. Reka bentuk kajian ini ialah Tinjauan Literatur Sistematis (SLR) yang menggunakan protokol PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) sebagai panduan dalam proses pemilihan artikel. Penggunaan protokol PRISMA dipilih kerana protokol ini menyediakan garis panduan yang jelas dan sistematik dalam proses pengenalanpastian, penapisan, kelayakan dan termasuk. Dalam kajian tinjauan literatur sistematik, PRISMA sering digunakan oleh pengkaji terdahulu merentas pelbagai disiplin ilmu kerana keupayaannya meningkatkan ketelusan dan kualiti pelaporan kajian (Shafrill et al., 2021).

Pada peringkat awal, pengkaji mengenal pasti maklumat berkaitan kajian strategi lakuan bahasa permintaan merentas budaya melalui pencarian literatur dalam dua pangkalan data utama, iaitu Scopus dan Google Scholar. Scopus dipilih kerana reputasinya sebagai pangkalan data berindeks yang menghimpunkan jurnal berimpak tinggi terutamanya dalam bidang linguistik. Google Scholar pula digunakan sebagai sumber sokongan bagi memastikan liputan carian yang lebih menyeluruh, khususnya melibatkan kajian yang berkaitan secara langsung dengan konteks linguistik iaitu pragmatik. Penggunaan lebih daripada satu pangkalan data membantu meningkatkan ketepatan dan kejelasan penulisan literatur (Randour et al., 2020). Pemilihan kajian lepas dilaksanakan berdasarkan kerelevanan terhadap persoalan kajian yang dikemukakan. Pengkaji memberikan tumpuan kepada kajian-kajian lepas yang merangkumi aspek lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar. Keutamaan turut diberikan kepada kajian yang melibatkan responden pelajar serta melibatkan penutur bahasa pertama dan penutur bahasa kedua.

Aspek ini selaras dengan fokus kajian terhadap lakuan bahasa permintaan silang budaya. Proses tapisan artikel dilaksanakan secara berperingkat selaras dengan protokol PRISMA. Terdapat empat peringkat utama dalam proses ini, iaitu pengenalanpastian (identification), saringan (screening), kelayakan (eligibility) dan termasuk (included). Pada peringkat pengenalanpastian, artikel dikenal pasti berdasarkan kata kunci yang ditetapkan. Seterusnya, saringan tajuk dan abstrak dijalankan bagi mengeluarkan artikel yang tidak relevan dengan kajian. Artikel yang berpotensi kemudiannya dinilai dari segi kelayakan melalui pembacaan teks penuh sebelum artikel yang memenuhi semua kriteria pemilihan dimasukkan ke dalam analisis kajian. Keseluruhan proses ini diringkaskan dalam carta alir PRISMA seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Carta alir PRISMA dalam proses pencarian sampel. (n= nombor)
Sumber: Moher et al. (2009)

Berdasarkan carta alir PRISMA dalam Rajah 1, pengurangan bilangan artikel pada setiap fasa mencerminkan proses tapisan yang dilaksanakan secara berperingkat dan berfokus. Pengurangan ketara pada fasa penapisan dan kelayakan berpunca daripada penyingkiran artikel yang tidak memenuhi kriteria utama kajian, khususnya artikel yang tidak melibatkan pelajar sebagai responden. Pengurangan ini juga disebabkan kajian yang tidak memfokuskan lakuan bahasa permintaan dalam konteks merentas budaya. Selain itu, sebahagian artikel dikecualikan kerana bersifat umum, tidak melaporkan analisis strategi permintaan secara terperinci, atau tidak menyediakan data empirik yang relevan untuk tujuan sintesis. Proses tapisan ini memastikan hanya kajian yang benar-benar selari dengan objektif dan skop kajian dimasukkan ke dalam analisis akhir. Dengan itu, pemilihan 20 artikel terpilih menunjukkan usaha pengkaji untuk mengekalkan kualiti, kerelevanan dan kebolehpercayaan dapatan dalam tinjauan literatur sistematik ini.

PENGENALPASTIAN (*IDENTIFICATION*)

Pada peringkat pengenaltastian, pengkaji memulakan proses pencarian literatur berdasarkan skop kajian yang memfokuskan Strategi Lakuan Bahasa Permintaan dalam Kalangan Pelajar Merentas Budaya. Artikel berkaitan dikenal pasti melalui dua pangkalan data utama, iaitu Scopus sebagai pangkalan data teras dan Google Scholar sebagai pangkalan data sokongan. Scopus dipilih sebagai sumber carian utama kerana merupakan salah satu pangkalan data berindeks terbesar yang

menghimpunkan artikel berwasit daripada lebih 25,000 jurnal antarabangsa dalam pelbagai bidang, khususnya linguistik dan sains sosial (Elsevier, 2021). Google Scholar pula digunakan bagi melengkapkan liputan carian, terutamanya untuk mengenal pasti kajian berkaitan yang mungkin tidak tersenarai dalam pangkalan data berindeks. Pendekatan ini selari dengan pandangan Yang dan Meho (2006) yang menyatakan bahawa penggunaan Google Scholar dapat membantu penyelidik memperoleh bahan ilmiah yang relevan dan meluas. Pencarian artikel dijalankan menggunakan gabungan kata kunci yang berkaitan dengan skop kajian, antaranya *systematic literature review*, *strategy*, *speech act*, *student* dan *culture*. Tanda kurungan () dengan perkataan OR dan AND digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh berkaitan dengan skop kajian. Carian artikel dihadkan kepada penerbitan antara tahun 2015 hingga 2025 bagi memastikan kajian yang dipilih adalah terkini dan relevan dengan perkembangan semasa bidang kajian. Hasil pencarian awal menunjukkan sebanyak 592 artikel telah dikenal pasti dan dikumpulkan, iaitu 279 artikel daripada pangkalan data Scopus dan 313 artikel daripada Google Scholar. Namun, pada peringkat ini kajian-kajian tersebut perlu ditapis bersesuaian dengan kajian tinjauan literatur sistematik pengkaji. Tapisan kajian perlulah dibuat secara berhati-hati agar kajian yang berkualiti dapat dikumpulkan dengan teratur dan tidak menggugurkan kajian yang penting untuk dijadikan sebagai rujukan. Berikut merupakan strategi carian elektronik *query string* yang menghimpunkan kata kunci dan sinonim yang bersamaan dalam kajian berkaitan dengan Strategi Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Merentas Budaya yang terdapat dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Kriteria Kemasukan dan Pengecualian

Pangkalan Data	Kata Kunci	Jumlah
Scopus	TITLE-ABS-KEY("speech act*" OR request act*) AND ("student*" OR "people*" OR "teenager*" OR "cultural *" OR ethnic *)	279
Google Scholar	("request act" OR "speech act") (student OR teenager "")	313

PENAPISAN (*SCREENING*)

Pada peringkat penapisan, pengkaji meneliti artikel yang dikenal pasti berdasarkan beberapa kriteria awal. Artikel yang dipilih mestilah diterbitkan antara tahun 2015 hingga 2025, selaras dengan keperluan kajian untuk meneliti dapatan penyelidikan terkini dalam tempoh sepuluh tahun terkini. Selain itu, artikel yang memfokuskan strategi lakuan bahasa permintaan dalam konteks merentas budaya serta melibatkan pelajar sebagai responden diberikan keutamaan. Proses penapisan awal dijalankan melalui pembacaan tajuk dan abstrak bagi menentukan kesesuaian artikel dengan fokus kajian. Pembacaan abstrak dilakukan secara berhati-hati bagi memastikan artikel yang dipilih dapat menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada objektif kajian. Pendekatan ini selaras dengan pandangan Kraus et al. (2020) yang menyatakan bahawa penilaian awal berdasarkan tajuk dan abstrak adalah memadai untuk menentukan kesesuaian artikel sebelum analisis teks penuh dijalankan. Artikel yang berbentuk kamus, buku, prosiding persidangan, tesis dan disertasi dikecualikan daripada kajian ini. Setelah proses penapisan dijalankan dan pertindihan artikel daripada kedua-dua pangkalan data disingkirkan, sebanyak 153 artikel dikenal pasti. Daripada jumlah ini, 62 artikel dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, termasuk artikel yang bukan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris serta artikel yang diterbitkan di luar tempoh kajian. Kriteria kemasukan dan pengecualian diringkaskan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Kriteria Kemasukan dan Pengecualian

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Tahun Penerbitan	2015-2025	≤ 2015
Jenis Dokumen	Artikel	Kamus, Buku, Prosiding, Tesis dan Disertasi
Bahasa	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Terhad Artikel dalam Bahasa Melayu dan Inggeris

KELAYAKAN (*ELIGIBILITY*)

Fasa kelayakan (*eligibility*) melibatkan proses pemilihan artikel secara manual bagi memastikan hanya artikel yang berkaitan dengan kajian strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar merentas budaya memenuhi kriteria kemasukan dan selari dengan objektif kajian (Rajah 1). Pada peringkat ini, sebanyak 91 artikel telah melepasi proses tapisan awal. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, sebanyak 71 artikel dikecualikan kerana tidak memenuhi tema kajian. Daripada artikel yang dikecualikan, 35 artikel didapati tidak mempunyai kaitan langsung dengan strategi lakuan bahasa permintaan, manakala 36 artikel lagi tidak melibatkan pelajar sebagai fokus kajian. Hasil daripada proses kelayakan ini, sebanyak 20 artikel dikenal pasti sebagai memenuhi keperluan kajian, merangkumi kajian dalam dan luar negara. Bagi memastikan kualiti artikel yang dipilih, penilaian kualiti dilaksanakan berdasarkan kriteria yang dicadangkan oleh Salehuddin dan Mahmud (2024), iaitu meliputi kesesuaian kajian, kematangan dan kualiti penyelidikan, serta kesesuaian kaedah, pengumpulan data, analisis dan penemuan kajian. Penilaian kualiti artikel dilakukan menggunakan sistem pemarkahan berskala 0 hingga 1, iaitu skor 1 diberikan bagi kriteria yang dipenuhi sepenuhnya, skor 0.5 bagi kriteria yang dipenuhi sebahagian, manakala skor 0 diberikan bagi kriteria yang tidak dipenuhi. Berdasarkan sistem pemarkahan ini, kesemua 20 artikel terpilih memperoleh skor 3.5 dan ke atas, sekali gus memenuhi tahap minimum yang ditetapkan untuk dimasukkan dalam kajian tinjauan literatur sistematik. Penetapan skor ini selaras dengan kajian Abouzahra et al. (2020) yang mencadangkan skor minimum 3.0 sebagai tahap kelayakan bagi kajian dalam disiplin tinjauan literatur sistematik.

QA1 – Adakah tujuan kajian dinyatakan dengan jelas?

QA2 – Adakah kepentingan dan kegunaan kajian dihuraikan?

QA3 – Adakah metodologi kajian dijelaskan dengan jelas?

QA4 – Adakah konsep atau pendekatan kajian ditakrifkan dengan jelas?

QA5 – Adakah kajian dibandingkan dengan kajian lain yang serupa?

QA6 – Adakah limitasi kajian dinyatakan?

Enam kriteria ini bersesuaian dengan kajian Abouzahra et al. (2020) yang memfokuskan skor dalam pemilihan artikel yang berkualiti dalam tinjauan literatur sistematik. Senarai penilaian artikel yang terpilih diterangkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Senarai kajian SLR berkaitan Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Merentas Budaya yang Melalui Proses Pemeriksaan Kualiti

Artikel	QA 1	QA 2	QA 3	QA 4	QA 5	QA 6	Skor
A1	1	1	1	1	0.5	0	4.5
A2	1	1	1	1	0.5	0	4.5
A3	1	1	1	1	0.5	0	4.5
A4	1	1	1	1	1	0	5.0
A5	1	1	1	1	1	0	5.0
A6	1	1	1	1	1	1	6.0
A7	1	1	1	1	0.5	0	4.5
A8	1	1	1	1	1	0	5.0
A9	1	1	1	1	0.5	0	4.5
A10	1	1	1	1	0	0	4.0
A11	1	0.5	1	1	1	0	4.5
A12	1	0.5	0.5	1	0.5	0	3.5
A13	1	1	1	1	0.5	0	4.5
A14	1	1	1	1	1	0	5.0
A15	1	1	1	1	0.5	0	4.5
A16	1	1	1	1	0	0	4.0
A17	1	1	1	1	1	0	5.0
A18	1	1	1	1	1	0	5.0
A19	1	1	1	1	1	0.5	5.5
A20	1	1	1	1	0.5	0	4.5

TERMASUK (INCLUDED)

Pada peringkat ini, 20 artikel berkaitan Strategi Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Merentas Budaya telah dipilih selepas melalui beberapa fasa dalam menggunakan PRISMA. Kajian-kajian berkaitan strategi lakuan bahasa permintaan melibatkan dalam dan luar negara yang merangkumi kajian melibatkan lakuan bahasa permintaan dan memfokuskan pelajar sebagai responden kajian. Kajian-kajian yang telah dipilih juga melibatkan lakuan bahasa permintaan dalam kalangan penutur jati dan bukan jati. Kajian-kajian yang telah dipilih telah melalui proses akhir dalam PRISMA dan pengkaji telah meneliti secara berfokus dan mendalam kajian-kajian tersebut. Senarai kajian kajian tinjauan literatur sistematik (SLR), pengkaji telah menemui 20 artikel yang memfokuskan perbincangan lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar pelbagai umur dan budaya. Pemilihan ini berdasarkan kehendak kajian dan berdasarkan had kata kunci yang telah dinyatakan dalam artikel ini. Pengkaji telah menyusun secara teratur bagi memastikan dapatan kajian dapat diujahkan secara kritis dan berkesan. Berikut merupakan paparan artikel jurnal yang merangkumi bil, tahun, nama penulis, tajuk artikel, dan tajuk jurnal serta pangkalan data yang dianalisis oleh pengkaji. Senarai kajian yang berkaitan adalah berdasarkan Jadual 4.

JADUAL 4. Senarai kajian SLR berkaitan Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Pelbagai budaya

Bil	Tahun	Penulis	Tajuk Artikel	Tajuk Jurnal	Pangkalan Data
1	2025	Summiya Azam, Muhammad Habib Qazi & Tahir Saleem	Menganalisis Variasi Intonasi dan Strategi Pragmatik dalam Permintaan dan Penolakan yang Menyukarkan dalam kalangan Penutur Natif dan bukan Natif	Corpus Pragmatics	Scopus
2	2024	Adrefiza, Jeremy Jones & Urip Sulistiyo	Kajian Silang Budaya Terhadap Penguat dalam Situasi yang Mengancam Muka: Perspektif Jantina dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia	Training, Language and Cultural	Scopus

3	2024	Kim Lan & Yoon Sang Seok	Ciri-ciri Pragmatiklinguistik Pembelajaran Bahasa Kedua dalam kalangan Pelajar Korea: Penekanan kepada Permintaan dalam kelas sosial sama dan kelas sosial yang tidak Seimbang	Korean Linguistics	Scopus
4	2024	Shadi Majed Alshraah, Nizaam Kariem, Husam Al-Omari, Khadijah AlQarni & Aa-ieshah Abrahams Kariem	Kajian Strategi Permintaan dan Norma Bahasa: Analisis Pengaruh Kemahiran Bahasa Pengaruh Pelajar EFL Arab Saudi	Journal Language and Teaching Research	Scopus
5	2024	Pang Ming, Hazlina Abdul Halim 2, Farhana Muslim Mohd Jalis & Chuanhao Lu	Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Cina yang menggunakan Bahasa Mandarin di Malaysia	Language Related Research	Google Scholar
6	2024	Ling Wei Li	Korpus Pembelajaran Pragmatik dalam Bahasa Inggeris bagi kalangan Bakal Guru: Perbincangan berkaitan Kesalahan dalam Lakuan Bahasa Permintaan beserta Contoh	The Educational Review, USA	Google Scholar
7	2024	Suhartono	Lakuan Bahasa Pertanyaan dan Permintaan: Perspektif Kesopanan dan Tidak Sopan	Jurnal Penelitian Pendidikan dan Pembelajaran	Google Scholar
8	2023	Mohammad Awad AlAfnan & Lourdes dela Cruz-Rudio	Pelajar-Guru dalam Permintaan melalui E-Mel. Perbandingan Analisis Strategi Kesopanan Pelajar Universiti Malaysia dan Filipina	World Journal of English Language	Google Scholar
9	2023	Mohammed Abulqasem Mohammed Elasar, Hema Roshney Mustafa, Mustafa Mubarak Pathan & Aliakbar Imani	Lakuan Bahasa Permohonan Maaf dan Permintaan dalam kalangan Pelajar Arab dengan Penyelia Malaysia	Arab World English Journal	Google Scholar
10	2022	Lia Khoirrun Nisa & Muhammad Abduh	Analisis Lakuan bahasa Direktif antara Guru dengan Pelajar :Interaksi semasa Pembelajaran Bertema di Sekolah Rendah	Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pendidikan	Google Scholar
11	2022	Hilmi Akmal, Alfi Syahriyani & Tuty Handayani	Lakuan Bahasa Permintaan dalam Kalangan Pelajar Indonesia dan Pelajar Australia dalam mempelajari Bahasa Inggeris berdasarkan Perpektif Silang Budaya Pragmatik	Language Education and Acquisition Research Network	Google Scholar
12	2021	Amina Shahzadi, Abdul Ghaffar Bhatti, & Munir Khan	Lakuan Bahasa Merentas Budaya: Perbandingan Pelajar Cina dan Pakistan dalam Strategi Lakuan Bahasa Permintaan dan Kesopanan	Sir Syed Journal of Education & Social Research	Google Scholar
13	2020	Hussien Alakrash & Elaf Saad Bustan	Kesopanan Strategi dalam kalangan pelajar Arab EFL dan Pelajar Malaysia ESL dalam Strategi Permintaan	International Journal of Academic Research in	Google Scholar

				Business and Social Sciences	
14	2020	Arif Nugroho & Agnira Rekha	Lakuan Bahasa Permintaan: Kes Pembelajaran EFL dalam kalangan Pelajar Indonesia	Journal of English Language Teaching and Linguistics	Google Scholar
15	2020	Normah Ahmad, Amirah Ahmad, & G. Sharina Shaharuddin	Lakuan Bahasa Permintaan Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam	Jurnal Linguistik	Google Scholar
16	2019	Umsa Anwar, Farhan Uddin Raja, Haleema Sadia, Rana Naeem Akhtar	Kajian Lakuan Strategi Lakuan Bahasa Permintaan bagi ESL dalam kalangan Pelajar	Journal of Social Sciences and Media Studies	Google Scholar
17	2018	Marlyna Maros & Nurul Syafawani Halim	Sapaan dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi lakuan Bahasa Permintaan: Konstruktif Analisis Pragmatik	The Southeast Asian Journal of English Language Studies	Scopus
18	2018	Amr Abdullatif Yassin & Norizan Abdul Razak	Strategi Permintaan: Kajian Kontrastif Antara EFL Yaman dan Pelajar Sekolah Menengah ESL Melayu di Malaysia	Asian Social Science	Google Scholar
19	2017	Phanitira Thuruvan & Melor MD. Yunus	Lakuan Bahasa Permintaan di dalam Kelas ESL	The Southeast Asian Journal of English Language Studies	Scopus
20	2016	Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid	Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK(C))	PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature	Google Scholar

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis terhadap 20 kajian yang berkaitan dengan strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar merentas budaya, beberapa dapatan utama telah dikenal pasti secara sistematik. Secara keseluruhan, sintesis dapatan menunjukkan bahawa kajian-kajian terdahulu menumpukan pola strategi lakuan bahasa permintaan yang digunakan oleh pelajar merentas latar budaya yang berbeza, khususnya dari segi penggunaan strategi permintaan secara langsung dan tidak langsung. Selain itu, dapatan turut memperlihatkan kepelbagaian dalam pemilihan strategi permintaan yang dipengaruhi oleh perbezaan budaya, konteks pembelajaran bahasa serta situasi interaksi yang melibatkan pelajar sebagai responden kajian. Hal ini menunjukkan bahawa strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar bergantung dengan budaya yang diterapkan dalam diri mereka.

STRATEGI LAKUAN BAHASA PERMINTAAN PELBAGAI BUDAYA

Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar merentas budaya dapat dihipunkan kepada dua bentuk utama, iaitu strategi permintaan langsung dan strategi permintaan tidak langsung. Sintesis dapatan memperlihatkan bahawa pelajar penutur jati lebih cenderung menggunakan strategi tidak langsung dalam menyampaikan permintaan. Strategi ini lazimnya melibatkan penggunaan ayat berlapis, penanda kesantunan serta struktur linguistik yang lebih fleksibel. Sebaliknya, pelajar bukan penutur jati didapati lebih kerap menggunakan strategi permintaan langsung yang bersifat eksplisit. Kecenderungan ini dikenal pasti secara konsisten dalam kajian-kajian terdahulu dan dikaitkan dengan tahap penguasaan bahasa serta kebergantungan kepada struktur ayat yang lebih mudah dan langsung. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecekapan linguistik memainkan peranan penting dalam pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar.

JADUAL 5. Strategi Lakuan Bahasa Permintaan dalam kalangan Pelajar Pelbagai budaya

Kategori Strategi	Ciri Utama	Kecenderungan Penggunaan	Contoh Kajian
Strategi tidak langsung	Permintaan berlapis, implisit	Tinggi dalam kalangan penutur jati	Ahmad et al. (2020), Maros dan Halim (2018)
Strategi langsung	Permintaan eksplisit dan terus	Tinggi dalam kalangan penutur bukan jati	Anwar et al. (2019), Yassin dan Abdul Razak (2018)

PERBANDINGAN LAKUAN BAHASA PERMINTAAN MERENTAS BUDAYA

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan bahawa perbandingan merentas budaya dalam kajian-kajian terdahulu tertumpu kepada tiga bentuk utama, iaitu perbandingan antara negara, perbandingan antara penutur jati dan bukan penutur jati, serta perbandingan dalam kalangan bukan penutur jati. Perbandingan antara negara memperlihatkan variasi strategi lakuan bahasa permintaan yang dipengaruhi oleh norma budaya dan amalan komunikasi setempat. Perbandingan antara penutur jati dan bukan penutur jati pula menunjukkan perbezaan yang jelas dari segi kecenderungan strategi, iaitu penggunaan strategi tidak langsung yang lebih dominan dalam kalangan penutur jati berbanding penutur bukan jati. Sementara itu, kajian yang melibatkan bukan penutur jati didapati lebih menumpukan penggunaan strategi langsung, khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa kedua. Dapatan ini memperlihatkan bahawa faktor budaya dan latar linguistik saling mempengaruhi pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan.

JADUAL 6. Perbandingan Lakuan Bahasa Permintaan Merentas budaya

Bentuk Perbandingan	Fokus Kajian	Pola Dapatan Utama	Contoh Kajian
Antara negara	Pelajar dari negara berbeza	Variasi strategi berdasarkan norma budaya	AlAfnan dan Cruz-Rudio (2023), Adrefiza et al. (2024), Elasfar et al. (2023)
Penutur jati vs bukan jati	Perbezaan latar linguistik	Penutur jati lebih tidak langsung	Kim & Yoon (2024), Shahzadi et al. (2021), Thuruvan dan Yunus (2017)
Bukan penutur jati	Bahasa kedua	Strategi lebih langsung dan terhad	Pang et al. (2024), Akmal et al. (2022), Pangat & Wahid (2016)

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian secara kritikal dengan mengaitkannya kepada kerangka teori pragmatik serta dapatan kajian-kajian terdahulu yang meneliti lakuan bahasa permintaan dalam konteks merentas budaya. Perbincangan ini bertujuan untuk menafsir makna dapatan yang telah dikenal pasti dalam bahagian sebelumnya, menilai tahap konsistensi dan perbezaan dapatan dengan penyelidikan sedia ada, serta mengenal pasti pola dan kecenderungan yang ditemui dalam kajian-kajian terdahulu. Selain itu, perbincangan ini turut meneliti sumbangan dapatan kajian yang menyumbang secara menyeluruh berkaitan strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar daripada latar budaya yang berbeza dalam pelbagai konteks. Melalui pendekatan sintesis kritikal, bahagian ini menjelaskan hubungan antara dapatan empirikal kajian-kajian terdahulu dengan kerangka konseptual pragmatik yang relevan, sekali gus menegaskan kepentingan faktor budaya dalam membentuk pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar.

STRATEGI LAKUAN BAHASA PERMINTAAN DAN KECEKAPAN PRAGMATIK

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar penutur jati lebih cenderung menggunakan strategi lakuan bahasa permintaan tidak langsung berbanding pelajar bukan penutur jati yang lebih kerap menggunakan strategi langsung. Perbezaan ini boleh ditafsirkan melalui kerangka pragmatik yang menekankan hubungan antara kecekapan linguistik, kecekapan pragmatik dan konteks sosial. Dapatan yang menunjukkan kecenderungan pelajar penutur jati menggunakan strategi permintaan tidak langsung boleh dijelaskan selari dengan pandangan Austin dan Searle yang menekankan fungsi ilokusi dalam merealisasikan niat penutur secara implisit. Dalam konteks ini, strategi tidak langsung membolehkan penutur menyampaikan maksud permintaan tanpa menzahirkan tekanan secara langsung terhadap pendengar. Menurut Blum-Kulka, House dan Kasper (1989), strategi permintaan tidak langsung memerlukan keupayaan penutur untuk menyesuaikan bentuk linguistik dengan situasi komunikasi, sekali gus mencerminkan tahap kecekapan pragmatik yang lebih tinggi. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Maros dan Halim (2018) yang menunjukkan bahawa penutur jati lebih berupaya menggunakan variasi strategi permintaan berlapis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Begitu juga, kajian Azam et al. (2025) mendapati bahawa penutur jati menunjukkan fleksibiliti yang lebih tinggi dalam pemilihan strategi permintaan berbanding penutur bukan jati yang lebih bergantung kepada bentuk permintaan eksplisit. Kajian Anwar et al. (2019) dan Yassin dan Abdul Razak (2018) turut membuktikan bahawa penutur bukan jati menggunakan strategi langsung, khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa kedua. Kesemua dapatan ini mengukuhkan penemuan kajian semasa bahawa tahap penguasaan bahasa dan kefahaman norma pragmatik mempengaruhi pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar.

KESOPANAN DALAM PEMILIHAN STRATEGI LAKUAN BAHASA PERMINTAAN

Dari sudut kesopanan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan strategi permintaan yang sopan dan berlapis dalam interaksi yang melibatkan hubungan hierarki atau status sosial yang lebih tinggi. Fenomena ini sejajar dengan Teori Kesantunan oleh Brown dan Levinson (1987) yang menegaskan bahawa penutur akan berusaha meminimumkan ancaman terhadap air muka pendengar apabila berinteraksi dengan individu yang mempunyai kuasa atau

kedudukan yang lebih tinggi. Sebagai contoh, kajian AlAfnan dan Cruz- (2023) menunjukkan bahawa pelajar menggunakan bentuk permintaan yang lebih berhati-hati dan berlapik apabila berkomunikasi dengan guru atau pensyarah. Namun, dalam interaksi yang melibatkan rakan sebaya, dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kesopanan tidak sentiasa diberi penekanan. Kajian Thuruvan dan Yunus (2017) serta Pangat dan Wahid (2016) turut menunjukkan bahawa pelajar cenderung menggunakan bentuk permintaan yang lebih langsung dan kurang berlapik apabila berinteraksi dengan rakan sebaya, walaupun dalam konteks pendidikan formal. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesopanan dalam lakuan bahasa permintaan berdasarkan hieraki dalam sesuatu hubungan dan bergantung kepada persepsi pelajar terhadap hubungan sosial dalam sesuatu interaksi. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak sepenuhnya selari dengan beberapa kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa penutur bahasa kedua menggunakan strategi permintaan yang lebih berhati-hati dan santun. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pemilihan strategi permintaan bukan hanya dipengaruhi oleh status penutur sebagai penutur jati atau bukan jati, tetapi turut dipengaruhi oleh konteks pembelajaran bahasa, tahap penguasaan linguistik dan situasi interaksi tertentu.

PENGARUH BUDAYA DAN JARAK SOSAL DALAM LAKUAN BAHASA PERMINTAAN

Budaya dan jarak sosial mempengaruhi lakuan bahasa permintaan yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Berdasarkan dapatan kajian berkaitan merentas budaya, pelajar Asia seperti Malaysia, Indonesia dan China banyak menggunakan strategi lakuan bahasa tidak langsung. Walaupun kajian-kajian sebelum ini menunjukkan mereka mengalami masalah dalam kosa kata dan sebagainya, namun, pelajar Asia masih mencuba untuk menjaga air muka pendengar dalam menyampaikan permintaan. Menurut Akmal et al. (2022) pelajar dari budaya yang berorientasikan individualisme seperti Australia banyak menggunakan strategi lakuan bahasa permintaan langsung. Mereka menggunakan lakuan bahasa permintaan secara langsung dilihat lebih jujur dalam menyampaikan pertuturan tanpa berselindung. Perkara ini disokong oleh Kim dan Yoon (2024) menjelaskan bahawa pelajar dari budaya yang lebih individualistik menggunakan strategi permintaan yang lebih langsung dan berterus terang. Perbezaan pola ini menegaskan bahawa pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan tidak boleh ditafsirkan secara terpisah daripada konteks budaya dan norma sosial yang membentuk interaksi komunikasi. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa strategi permintaan dalam kalangan pelajar bukan sekadar dipengaruhi oleh kecekapan linguistik, tetapi turut dibentuk oleh nilai budaya, orientasi sosial serta jangkaan komunikasi dalam masyarakat masing-masing.

IMPLIKASI DAPATAN TERHADAP JURANG KAJIAN

Pelbagai kajian terdahulu telah meneliti strategi lakuan bahasa permintaan dalam konteks merentas budaya, namun perbincangan yang dikemukakan kebanyakannya tertumpu kepada konteks pembelajaran bahasa Inggeris serta perbandingan berskala luas antara pelajar dari negara Barat dan Asia. Fokus kajian yang terlalu umum ini menyebabkan kefahaman terhadap variasi strategi lakuan bahasa permintaan dalam konteks tempatan, khususnya dalam masyarakat berbilang kaum, masih belum dihuraikan secara mendalam. Dalam konteks Malaysia, kajian terdahulu yang melibatkan pelajar daripada pelbagai kaum didapati masih terhad dan bersifat terpisah mengikut kelompok etnik tertentu. Sebagai contoh, kajian oleh Pang et al. (2024) memberi tumpuan kepada pelajar kaum Cina, manakala kajian Ahmad et al. (2020) memfokuskan pelajar kaum Melayu.

Walau bagaimanapun, perbandingan strategi lakuan bahasa permintaan secara menyeluruh dalam kalangan pelajar pelbagai kaum di Malaysia masih kurang diberikan perhatian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kekurangan ini menunjukkan bahawa dapatan sedia ada belum mampu memberikan gambaran yang menyeluruh tentang pola strategi permintaan dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini menegaskan keperluan kepada kajian lanjutan yang lebih berfokus kepada konteks tempatan, khususnya bagi memahami bagaimana latar budaya, linguistik dan sosial dalam kalangan pelajar pelbagai kaum mempengaruhi pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan.

LIMITASI KAJIAN

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini perlu ditafsirkan dengan mengambil kira beberapa limitasi yang wujud dalam pelaksanaan tinjauan literatur sistematik ini. Antaranya, kajian-kajian yang disintesis lebih banyak memfokuskan konteks pembelajaran bahasa Inggeris, manakala kajian yang melibatkan bahasa tempatan masih boleh diteroka berdasarkan aspek pola strategi lakuan bahasa permintaan berdasarkan situasi dan kesopanan lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Selain itu, perbezaan reka bentuk kajian, instrumen pengumpulan data serta konteks kajian dalam penyelidikan terdahulu turut mempengaruhi dapatan yang dianalisis. Oleh itu, dapatan kajian ini lebih menekankan sintesis pola umum strategi lakuan bahasa permintaan berbanding perbincangan yang menyeluruh terhadap semua konteks merentas budaya. Limitasi ini membuka ruang kepada kajian lanjutan yang lebih berfokus dan kontekstual pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan meninjau secara sistematik strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar merentas budaya berdasarkan sintesis terhadap 20 kajian terpilih. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh gabungan faktor linguistik, budaya dan sosial. Pelajar penutur jati didapati lebih cenderung menggunakan strategi permintaan tidak langsung, manakala pelajar bukan penutur jati lebih kerap menggunakan strategi permintaan langsung, khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa kedua. Selain itu, aspek kesopanan didapati diaplikasikan secara selektif bergantung kepada hubungan sosial dan tahap hierarki antara penutur dan pendengar. Dapatan kajian turut membuktikan bahawa latar budaya dan jarak sosial memainkan peranan penting dalam menentukan pemilihan strategi lakuan bahasa permintaan, khususnya dalam membezakan penggunaan strategi merentas budaya dalam kalangan pelajar.

Dari sudut sumbangan ilmu, kajian tinjauan literatur sistematik ini menyediakan sintesis yang berstruktur dan menyeluruh terhadap penyelidikan berkaitan strategi lakuan bahasa permintaan dalam konteks pendidikan pelbagai budaya. Kajian ini bukan sahaja menghimpunkan dapatan kajian terdahulu, malah mengenal jurang penyelidikan yang masih wujud. Antaranya ialah kekurangan kajian yang meneliti strategi lakuan bahasa permintaan dalam konteks pelajar pelbagai kaum dalam satu negara, khususnya melibatkan penggunaan bahasa Melayu. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar penyelidikan lanjutan dijalankan dengan memberi tumpuan kepada konteks tempatan dan bahasa kebangsaan, serta mengambil kira kepelbagaian latar budaya dalam kalangan pelajar. Pendekatan ini penting bagi meneroka strategi lakuan bahasa permintaan dan

implikasinya terhadap komunikasi berkesan dalam persekitaran pelajar pelbagai kaum khususnya di Malaysia.

Kesimpulannya, kajian Tinjauan literatur Sistematis yang berkaitan serta bersesuaian dengan strategi lakuan bahasa permintaan merentas budaya memberikan banyak input yang positif dalam memperkembangkan dan mendalami bidang pragmatik khususnya dalam kalangan pelajar. Dalam hal ini, dapatan ini merupakan dapatan awal bagi pengkaji lain yang ingin melakukan kajian yang setara sekali gus boleh mendalami dan menyebarkan fokus kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat beberapa aspek yang dilihat sebagai lompang kajian terdahulu yang membolehkan kajian yang sistematik boleh dilakukan oleh penyelidik. Sumber yang diperoleh dalam kajian ini juga menunjukkan trend dapatan kajian yang sahih dan boleh dijadikan sebagai panduan. Kajian ini boleh menjadi sebagai salah satu sumber rujukan bagi penyelidik lain khususnya dalam bidang pragmatik dalam mengkaji aspek lakuan bahasa permintaan dengan lebih mendalam dan lebih menyeluruh. Pengumpulan data dan kajian yang terlibat dalam kajian ini sedikit sebanyak memberi ruang kepada pembaca untuk meneliti kajian-kajian lepas secara lebih mendalam dan lebih jelas. Bagi memperkukuh lagi bidang kajian lakuan bahasa permintaan, diharapkan pengkaji-pengkaji lain banyak memfokuskan kajian lakuan bahasa yang melibatkan pelbagai budaya yang unik seperti di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada pihak editor dan penilai atas cadangan yang telah diberikan serta penyelia yang memberikan tunjuk ajar dalam penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Abouzahra, A., Sabraoui, A., & Afdel, K. (2020). Model Composition in Model-Driven Engineering: A Systematic Literature Review. *Information and Software Technology*, 125, 106316. <https://doi.org/10.1016/j.infsof.2020.106316>
- Adrefiza, A., Jones, J., & Sulistiyo, U. (2024). Cross-Cultural Study of Intensifiers in Face-Threatening Situations: A Gender Perspective in English and Bahasa Indonesia. *Training, Language and Culture*, 9(1), 28–38. <https://doi.org/10.22363/2521-442X-2025-9-1-28-38>
- Ahmad, N., Ahmad, A., & Shahrudin, G. S. (2020). Lakuan Bahasa Permintaan dalam Kalangan Pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*, 24(2), 1–16.
- Akmal, H., Syahriyani, A., & Handayani, T. (2022). Request Speech Acts of Indonesian and Australian Students: A Cross-Cultural Pragmatic Perspective. *Language Education and Acquisition Research Network*, 15(2), 498–520.
- AlAfnan, M. A., & Cruz-Rudio, L. dela. (2023). Student–Teacher Email Requests: A Cross-Cultural Analysis of Politeness Strategies. *World Journal of English Language*, 13(1), 353–361. <https://doi.org/10.5430/wjel.v13n1p353>
- Alakrash, H. M., & Bustan, E. S. (2020). Politeness Strategies Employed by Arab EFL and Malaysian ESL Students in Making Requests. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6), 10–20. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i6/7257>
- Alshraah, S. M., Kariem, N., Al-Omari, H., Al-Qarni, K., & Kariem, A. A. (2024). Requestive Perspectives and Conventions: Exploring Language Proficiency Influence Among Saudi EFL Learners. *Journal of Language Teaching and Research*, 15(6), 2070–2079. <https://doi.org/10.17507/jltr.1506.32>
- Anwar, U., Raja, F. U., Sadia, H., & Akhtar, R. N. (2019). Request Speech Act Strategies of ESL Learners. *Journal of Social Sciences and Media Studies*, 3(1), 45–60.
- Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. Harvard University Press. Blum-Kulka, S., House, J., & Kasper, G. (1989). *Cross-cultural pragmatics: Requests and apologies*. Cambridge University Press. Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.

- Azam, S., Qazi, M. H., & Saleem, T. (2025). Analyzing Intonational Variation and Pragmatic Strategies in High-Imposition Requests and Refusals by L1 and L2 Speakers. *Corpus Pragmatics*, 9(3), 367–389. <https://doi.org/10.1007/s41701-025-00195-4>
- Elasfar, M. A. M., Mustafa, H. R., Pathan, M. M., & Imani, A. (2023). Speech Acts of Apology and Request by Arab Postgraduates With Malaysian Supervisors. *Arab World English Journal*, 14(1), 428–448. <https://doi.org/10.24093/awej/vol14no1.27>
- Elsevier. (2021, 11 November). What content is indexed in Scopus? https://service.elsevier.com/app/answers/detail/a_id/11274/c/10547/supporthub/scopus/
- Kim, L., & Yoon, S. S. (2024). L2 Korean Learners' Pragmalinguistic Features: Focusing on Making Requests in Power-Asymmetrical Situations. *Korean Linguistics*, 20(2), 127–168.
- Kraus, S., Breier, M., Jones, P., Hughes, M., & Filser, M. (2020). Environmental Management Research: A Systematic Literature Review. *Business Strategy and the Environment*, 29(6), 2531–2549.
- Maros, M., & Halim, N. S. (2018). Alerters in Malay and English Speech Acts of Request: A Contrastive Pragmatics Analysis. *3L: Language, Linguistics, Literature*, 24(1), 69–83. <https://doi.org/10.17576/3L-2018-2401-06>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., & The PRISMA Group. (2009). Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement. *Open Medicine*, 3(2), 123–130.
- Nisa, L. K., & Abduh, M. (2022). Directive Speech Acts Analysis in Teacher and Student Interaction During Thematic Learning in Elementary School. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pendidikan*, 6(2), 286–294. <https://doi.org/10.23887/jppp.v6i2.49372>
- Nugroho, A., & Rekha, A. (2020). Speech Acts of Requests: A Case of Indonesian EFL Learners. *Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 5(1), 1–16.
- Oktavia, D., Batyi, S., Mukminin, A., Santos, M. L., Astrero, E. P. T., Torress, J. M., & Marzulina, L. (2023). The Manifestation of Interlanguage Pragmatics in Direct and Indirect Request Strategies Used by International Students. *Studies in English Language and Education*, 10(3), 1379–1401. <https://doi.org/10.24815/siele.v10i3.27548>
- Pang, M., Abdul Halim, H., Mohd Jalis, F. M., & Lu, C. (2024). Request Speech Acts in Malaysian Chinese Mandarin. *Language Related Research*, 15(5), 197–223. <https://doi.org/10.29252/LRR.15.5.8>
- Pangat, M. H., & Wahid, P. R. A. (2016). Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(2), 10–22.
- Rahman, R. A., & Yusof, M. (2023). Tinjauan Literatur Sistematis Dalam Kajian Bahasa: Prinsip dan Aplikasi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 23(3), 45–62. <https://doi.org/10.17576/gema-2023-2302-06>
- Randour, F., Perrez, M., & Reuchamps, M. (2020). Measuring Political Discourse: A Systematic Review. *Discourse & Communication*, 14(4), 343–361.
- Salehuddin, K., & Mahmud, F. N. (2024). Assessing Children's Language Development: A Systematic Literature Review on Early Language Milestone Scales. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 24(4), 17–42. <https://doi.org/10.17576/gema-2024-2404-02>
- Searle, J. R. (1975). Indirect Speech Acts. In P. Cole & J. L. Morgan (Eds.), *Syntax and Semantics: Vol. 3. Speech Acts* (pp. 59–82). Academic Press.
- Shaffril, H. A. M., Samsuddin, S. F., & Samah, A. A. (2021). The ABC of Systematic Literature Review: *Basic Methodological Guidance for Beginners*. *Quality & Quantity*, 55(4), 1319–1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Shahzadi, A., Bhatti, A. G., & Khan, M. (2021). Cross-Cultural Speech Acts: A Comparison of Chinese and Pakistani Learners in Request Strategies and Politeness. *Sir Syed Journal of Education & Social Research*, 4(2), 309–316.
- Suhartono. (2024). Speech Acts of Questioning and Requesting: Politeness and Impoliteness Perspectives. *Jurnal Penelitian Pendidikan dan Pembelajaran*, 1(2), 62–77.
- Thomas, J. (1983). Cross-Cultural Pragmatic Failure. *Applied Linguistics*, 4(2), 91–112.
- Yang, K., & Meho, L. I. (2006). Citation Analysis: A Comparison of Google Scholar, Scopus, and Web of Science. *Proceedings of the American Society for Information Science and Technology*, 43(1), 1–15. <https://doi.org/10.1002/meet.14504301185>
- Yassin, A. A., & Abdul Razak, N. (2018). Request Strategies: A Contrastive Study Between Yemeni EFL and Malay ESL Secondary School Students in Malaysia. *Asian Social Science*, 14(12), 29–40.
- Yusof, M., & Baharudin, R. (2022). Strategi Lakuan Bahasa Permintaan dalam Konteks Generasi Z. Dlm. Jalaluddin, N.H. (Pnyt.), *Pragmatik: Teori dan praktis* (pp. 100–122). Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENULIS

Nur Faizal Aznan merupakan pelajar Doktor Falsafah dalam bidang linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: p151781@siswa.ukm.edu.my

Mohammed Azlan Mis, (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah sosiolinguistik dan dialektologi. E-mel: whg5026@ukm.edu.my

Maslida Yusof, (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik. E-mel: maslida@ukm.edu.my